

30/08/1997

Tindakan jika terus bantu spekulator: PM (HL)

Mohd Shah Abdullah; Veena Rusli

PASIR PUTEH, Jumaat - Kerajaan menyiasat beberapa institusi kewangan tempatan yang masih terus membantu spekulator dengan meminjamkan skrip saham kepada mereka untuk memanipulasi harga di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Sambil menyifatkan mereka sebagai pengkhianat ekonomi negara, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan mulai sekarang akan menarik balik lesen dan menggantung operasi institusi kewangan yang dikenal pasti terbabit.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menjelaskan, tindakan itu hanya membabitkan urusan yang berlaku selepas ini, manakala tindakan institusi berkenaan sebelum ini, tidak akan diambil kira.

"Kita boleh tarik lesen atau menggantung urusan niaga, macam-macam kita boleh buat, tetapi hanya selepas pengumuman ini dibuat. Apa yang berlaku sebelum ini tidak diambil kira kerana mereka tidak diberi amaran.

"Kalau selepas diberi amaran dan mereka teruskan juga, umpamanya memberi pinjaman saham yang dijual berkali-kali, kita akan mengambil tindakan," katanya kepada pemberita selepas menutup konvensyen Umno/Barisan Nasional Kelantan, di sekolah Menengah Cherang Ruku, dekat sini petang ini.

Semalam, ketika mendedahkan tindakan bank tempatan tertentu yang menjadi dalang membantu spekulator asing menekan harga dengan memberi jaminan penjelasan sijil bagi urusan niaga saham yang dibuat, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan membongkar kegiatan itu dan mengambil tindakan tegas terhadap mereka mulai hari ini.

Sambil menganggarkan BSKL mengalami kerugian kira-kira RM400 bilion sejak mengalami kejatuhan beberapa bulan lalu, Dr Mahathir mahu institusi kewangan yang membiayai pembelian saham pelabur supaya bertolak-ansur dengan tidak memaksa peminjam menokok perbezaan margin jika saham yang mengalami kejatuhan harga.

Ditanya sama ada benar tiga institusi kewangan tempatan terbabit dalam perbuatan itu, Dr Mahathir menjelaskan, beliau tidak tahu mengenainya.

Beliau berkata, kelonggaran sudah diberi kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) membuat pelaburan melebihi 15 peratus bagi menyertai dana tempatan lain memasuki BSKL, juga berkuatkuasa hari ini.

Pada masa yang sama, bank tempatan dibenarkan memberi pinjaman kepada KWSP bagi membolehkannya membeli saham yang menurut Dr Mahathir, disalahgunakan.

Sebelum ini, Bank Negara menetapkan 15 peratus sebagai tahap maksimum untuk dana tempatan melabur di BSKL.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, kerajaan tidak akan mengusir pengurus dana asing yang terbabit memanipulasi pasaran BSKL.

(END)